



**SIARAN AKHBAR  
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
19 RABIULAWAL 1443H / 26 OKTOBER 2021M**

**PEMBUKAAN SEMULA  
BANGUNAN PASAR GADONG DAN OPERASI PERNIAGAAN**

Merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bertarikh 22 Safar 1443 bersamaan 29 September 2021 mengenai Penutupan Sementara Bangunan Pasar Gadong dan Operasi Perniagaan. Sehubungan dengan ini, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa **Bangunan Pasar Gadong dan Operasi Perniagaan akan dibuka semula bermula pada hari Khamis, 21 Rabiulawal 1443 bersamaan 28 Oktober 2021. Waktu operasi perniagaan di Bangunan Pasar Gadong pada hari Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad adalah bermula dari jam 6.00 pagi hingga 3.00 petang. Manakala waktu perniagaan pada hari Jumaat adalah bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 3.00 petang.**

2. Dengan pembukaan semula Bangunan Pasar Gadong dan Operasi Perniagaan, beberapa langkah dan usaha telah dilaksanakan semasa penutupan sementara seperti berikut:

- Pembersihan sepenuhnya (*deep cleaning*) Bangunan Pasar Gadong.
- Menjalankan kerja-kerja nyah kuman di Bangunan Pasar Gadong.
- Semua peniaga dan pembantu peniaga serta petugas Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan diwajibkan untuk menjalani ujian 'swabbing'.
- Semua Peniaga dan pembantu peniaga disyaratkan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.
- Mengadakan muzakarah (*secara virtual*) bersama pihak peniaga dan pembekal mengenai prosedur pembukaan semula Bangunan Pasar Gadong dan operasi perniagaan.

3. Dalam memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai, beberapa langkah bagi mengetatkan pengawalan semasa pembukaan semula Bangunan Pasar Gadong dan Operasi Perniagaan akan dilaksanakan seperti berikut:

- Hanya peniaga dan pembantu peniaga yang berdaftar dan **telah mendapat kebenaran sahaja yang dibenarkan untuk berniaga semula** sepertimana yang digariskan di dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bilangan 21/2021 bertarikh 18 Oktober 2021 antaranya menjalani ujian *swabbing* dan mendapatkan sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksinasi.
- Pengawalan pintu masuk mengikut SOP Covid-19 dan menghadkan jumlah keramaian pengunjung dan pembekal yang akan masuk ke dalam Bangunan Pasar Gadong pada satu-satu masa.
- Mengasingkan pintu keluar masuk pengunjung, peniaga dan pembekal.
- Membekalkan *Antigen Rapid Test* (ART) kepada peniaga dan pembantu peniaga untuk dibuat seminggu sekali di rumah masing-masing sebagai langkah berjaga-jaga.
- Menghadkan peniaga kepada dua orang setiap bangku untuk penjarakan sosial.

4. Dalam perkara ini juga, kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan untuk sentiasa mengikut Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure - SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi kelangsungan operasi Pasar Gadong termasuklah pemeriksaan suhu badan; mengimbas Kod QR aplikasi Bruhealth setiap kali masuk dan juga keluar dari Bangunan Pasar Gadong dan penggunaan sungkup muka (*face mask*).

**-TAMAT-**

Disediakan oleh: